



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



# **BUKU DIREKTORI SUMBER MANUSIA**

**FAKULTI SAINS & SUMBER ALAM  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

 **UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
Transformasi Ke Arah  
**UNIVERSITI  
INDUSTRI 4.0**

**PROF. DR. BABA MUSTA  
EN. HASMI HASHIM**

# KANDUNGAN

## MUKA SURAT

1.	KATA ALUAN	1
2.	PENGENALAN FAKULTI	2
3.	PROGRAM PENGAJIAN SAINS & SUMBER ALAM	3 - 9
4.	STATISTIK SUMBER MANUSIA	10
5.	SENARAI PENTADBIR FAKULTI	11 - 13
6.	KETUA-KETUA PROGRAM	14
7.	KAKITANGAN AKADEMIK MENGIKUT PROGRAM	15 - 19
8.	KAKITANGAN AKADEMIK CUTI BELAJAR	20 - 21
9.	KAKITANGAN PELAKSANA I & II	22 - 23
10.	PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2015-2025 (PENDIDIKAN TINGGI)	24
11.	RUJUKAN	25
12.	PENGHARGAAN	26
13.	NOTA	27

# 1. KATA ALUAN

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh & Salam EcoCampus.**



**Pertamanya, syukur di atas penerbitan julung kali Buku Direktori Sumber Manusia Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) ini.**

**Tujuan utama buku panduan ini dihasilkan adalah untuk menjadi sumber rujukan utama maklumat sumber manusia di Fakulti ini. Ianya juga bertujuan untuk memudahkan perhubungan dan seterusnya melancarkan segala urusan kerja dengan adanya maklumat perhubungan terperinci bagi setiap kakitangan Fakulti ini.**

**Sebagai mendokong saranan Universiti untuk perbelanjaan berhemah, buku ini hanya akan diterbitkan secara maya sahaja dan boleh didapati di laman web Fakulti.**

**Harapan saya, dengan adanya buku ini akan memudahkan pencarian maklumat dan melancarkan urusan kerja di kalangan kakitangan demi kebaikan Fakulti dan Universiti ke arah Universiti industri 4.0.**

**Sekian, terima kasih.**

**Wassalam.**

**PROF. DR. BABA MUSTA  
Dekan  
Fakulti Sains & Sumber Alam  
Universiti Malaysia Sabah**

## 2. PENGENALAN FAKULTI

- ❖ Penubuhan Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) adalah berdasarkan kepada keperluan Negara untuk melahirkan lebih ramai graduan yang berinovatif dan dinamik dalam bidang sains dan sumber alam selaras dengan hasrat untuk mencapai status universiti yang berinovasi dan diiktiraf di peringkat antarabangsa. Kampus ini terletak di kawasan yang kaya dengan sumber alam seperti galian, flora dan fauna yang merangkumi terrestrial dan marin. Program-program fakulti memberi penekanan kepada bidang sains, teknologi dan sumber alam ke arah kelestarian alam. Fakulti menawarkan empat belas (14) program pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pengajian sains biologi, sains kimia, fizik gunaan, matematik gunaan, sains sekitaran, sains bumi dan sains perhutanan.

### 3. PROGRAM PENGAJIAN SAINS & SUMBER ALAM

Program pengajian Sains dan Teknologi dibentuk dengan menggabungkan antara sains alam dan gunaan dan mengikut kehendak semasa serta kekayaan sumber alam yang ada di Malaysia khususnya di Sabah. Program ini terdiri daripada dua gugusan sains iaitu sains fizikal dan sains biologi dan menawarkan ijazah Sarjana muda Sains dengan dalam pengkhususan berikut:

#### ❖ SAINS FIZIKAL

##### 1. FIZIK DENGAN ELEKTRONIK

Program ini dirangka untuk melahirkan graduan yang berkemahiran dalam fizik dengan pengkhususan dalam bidang elektronik melalui kursus-kursus teras, minor dan elektif yang ditawarkan. Program ini mengukuhkan pelajar kepada hukum-hukum asas fizik di samping memberi kemahiran menggunakan peralatan fizik dan elektronik melalui kursus-kursus amali, kerja lapangan dan latihan industri. Pelajar juga dilengkapi dengan kemahiran teknologi maklumat, didedahkan kepada teknologi terkini dalam bidang fizik dan elektronik melalui kursus-kursus yang bersifat dinamik dan terkini seperti kursus topik-topik khas dalam fizik dan elektronik. Keunikan program yang multidisiplin (fizik dan elektronik) ini dapat menjamin graduan mempunyai prospek kerjaya yang cerah dalam sektor pendidikan, kejuruteraan, penyelidikan perindustrian dan pentadbiran.

##### **Prospek Kerjaya**

Ahli fizik, R&D elektronik, R&D fizik, guru, pensyarah, pegawai tadbir, pegawai penyelidik.

##### 2. GEOLOGI

Program geologi dirangka untuk memberi pengetahuan asas mengenai bumi serta proses-proses yang berlaku di dalam dan pada permukaan bumi. Hasil-hasil semulajadi bumi seperti petroleum, gas, mineral dan bahan-bahan binaan serta prinsip-prinsip asas geologi akan diterangkan melalui pembelajaran di bilik kuliah serta beberapa siri kerja lapangan yang dijalankan di sekitar Sabah. Latihan industri yang diadakan pada semester terakhir pembelajaran diharap akan dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar yang mengikuti program ini.

##### **Prospek Kerjaya**

Sebagai ahli geosains di jabatan kerajaan, institusi pengajian tinggi dan industri berkaitan geologi seperti industri petroleum, perlombongan, pembinaan dan pelancongan.

### 3. MATEMATIK DENGAN EKONOMI

Program ini menyediakan latar belakang matematik yang kukuh di samping mendedahkan pelajar kepada hubungan yang wujud di antara matematik dengan ekonomi termasuk mikroekonomi, makroekonomi, pengurusan kewangan dan ekonometrik. Pelajar akan membina dan menunjukkan kemampuan mereka untuk berhujah secara matematik dengan membina pembuktian secara matematik, mengenalpasti dan menganalisa data berangka secara tepat melalui kursus-kursus teras matematik. Pelajar mampu untuk mengaplikasi kaedah-kaedah matematik yang sesuai untuk mendapatkan penyelesaian bukan sahaja di dalam bidang ekonomi, malahan dalam bidang-bidang lain. Graduan yang mempunyai latar belakang matematik yang kukuh di samping pemahaman konsep ekonomi mempunyai peluang kerjaya yang lebih cerah. Mereka juga mempunyai kelayakan untuk melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah di dalam bidang matematik dan ekonomi.

#### **Prospek Kerjaya**

Bank, syarikat insurans, syarikat pelaburan, guru, pensyarah, jabatan perangkaan, perancangan kewangan dan Usahawan.

### 4. MATEMATIK DENGAN GRAFIK BERKOMPUTER

Program ini ditawarkan bagi melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi dalam membangunkan aplikasi grafik berkomputer seperti aplikasi visualisasi saintifik, realiti maya, animasi, permainan komputer dan perisian matematik. Kekuatan utama program ini terletak pada kombinasi dan gabungan tiga pengkhususan ilmu iaitu Matematik sebagai teras, Sains Komputer dan Grafik Berkomputer. Rasional dan tujuan program Matematik dengan Grafik Berkomputer ditawarkan adalah untuk menyediakan graduan yang bersifat kompetitif di dalam industri, sektor awam, akademik dan keusahawanan dengan membekalkan graduan teori, pengetahuan dan kemahiran di dalam Matematik dan Grafik Berkomputer. Untuk itu, program ini telah direkabentuk bagi melahirkan ahli Matematik yang berupaya menterjemahkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang matematik ke dalam aplikasi dunia maya.

#### **Prospek Kerjaya**

Pembangun aplikasi grafik berkomputer, pengaturcara aplikasi realiti maya, jurutera pemvisualan saintifik, juruanalisa sistem, pengaturcara permainan komputer, perekabentuk grafik, pembangun perisian matematik dan penyelidik.

## 5. KIMIA INDUSTRI

Program ini bertujuan melahirkan para graduan yang boleh menyumbang kepada agensi yang berasaskan kimia atau memerlukan pengetahuan kimia samada dalam sektor awam, swasta khususnya industri kimia atau badan berkanun. Penekanan diberi kepada aplikasi kimia dalam industri termasuk semua aspek sumber bahan, instrumentasi, proses kimia, teknologi serta alam sekitar. Kursus-kursus yang relevan juga ditawarkan untuk memperkembangkan pengetahuan pelajar dalam bidang yang berkaitan rapat dengan industri kimia.

### **Prospek Kerjaya**

Ahli kimia, pegawai forensik, pegawai penyelidikan, pegawai hospital, pensyarah, guru, pegawai pentadbir, peniaga, pakar dalam proses industri.

## 6. SAINS SEKITARAN

Program ijazah Sains Sekitaran adalah program yang bersifat multi-disiplin yang menekankan pemahaman asas saintifik dan kemahiran praktikal di lapangan dan makmal untuk menganalisis dan mengurus masalah alam sekitar. Penerapan asas saintifik yang kuat di peringkat tahun satu membawa kepada pendedahan yang lebih terperinci di peringkat tahun dua dan tiga dalam topik-topik teras sains sekitar seperti pencemaran dan analisis kualiti udara dan air, hidrologi sekitar, meteorology dan perubahan iklim, aplikasi GIS dan permodelan sekitar, toksikologi dan kesihatan sekitar, pengurusan sisa pepejal dan toksik, dan juga undang-undang alam sekitar dan pengurusan sumber dan sekitar. Modul-modul ini membolehkan pelajar mengkhusus atau mengekalkan portfolio sains sekitar yang luas, sementara mengekalkan asas yang kuat dalam kemahiran dan pengetahuan sebagai ahli sains alam sekitar yang kompeten.

### **Prospek Kerjaya**

Perunding alam sekitar, pegawai alam sekitar, pegawai penyelidik, pensyarah, juruteknik penyelidikan, saintis alam sekitar, pegawai kesihatan sekitar, pegawai meteorologi, guru, pegawai keselamatan alam sekitar, pegawai EIA, juruaudit, perunding ISO, usahawan sekitar dan lain-lain.

## ❖ SAINSBIOLOGIKAL

### 7. BIOTEKNOLOGI

Program ini bertujuan untuk melatih pelajar dalam bidang bioteknologi yang diperlukan dalam bidang industri dan penyelidikan di dalam negara, terutamanya yang melibatkan asas disiplin biologi dan kimia. Program ini juga menekankan aspek latihan industri untuk mendedahkan pelajar dalam aspek perindustrian. Di akhir pengajian, siswazah akan dapat menyumbang dan memajukan industri berasaskan bioteknologi dan berpeluang untuk bekerja dalam bidang teknologi pembuatan dan pemprosesan berasaskan bioteknologi serta bidang penyelidikan.

#### **Prospek Kerjaya**

Kaunselor genetik, pegawai terapi gen, pegawai genetik perubatan, pegawai kesihatan awam, pegawai forensik, pensyarah, penyelidik, jurutera bioperubatan, ahli bioinformatik, permodelan biologi, pakar dalam industri pembuatan dan pemprosesan, penganalisa kawalan kualiti, pakar instrumen, pakar biopemprosesan, pegawai dalam agensi-agensi penyelaras berkaitan bioperubatan.

### 8. BIOLOGI PEMULIHARAAN

Program biologi pemuliharaan bertujuan melahirkan graduan yang dapat membantu dalam pengurusan alam sekitar secara mapan terutamanya dari aspek biologi dan juga memupuk sifat yang komited terhadap kelestarian alam. Pelajar didedahkan dengan kerja lapangan yang berasaskan pelbagai disiplin asas biologi dan pemuliharaan sebagai persediaan untuk alam pekerjaan.

#### **Prospek Kerjaya**

Penyelidik, pensyarah, pengurus taman, industri farmaseutikal, industri pelancongan, organisasi bukan kerajaan, pegawai kesedaran awam, saintis, penyelidik, pegawai/perunding alam sekitar



## 9. SAINS MARIN

Program sains marin menyampaikan ilmu mengenai persekitaran marin melalui syarahan, latihan makmal serta kerja lapangan yang bertujuan mendedahkan para pelajar kepada kepelbagaian hidupan serta ekosistem marin dan pertaliannya dengan persekitaran. Kursus ini merangkumi pengurusan kawasan perlindungan marin, polisi maritim, hubungkait atmosfera-samudera serta impak aktiviti manusia dan perubahan cuaca terhadap samudera bagi menghasilkan graduan yang mampu memahami serta mengurus pemuliharaan dan penggunaan lestari sumber marin.

### **Prospek Kerjaya**

Pegawai pentadbir/ penguatkuasa (cth: pegawai di Jabatan Laut, Agensi Penguatkuasa Maritim, Jabatan Perikanan, Jabatan Taman Laut), pegawai pemuliharaan marin, pengurus taman laut, pegawai/perunding alam sekitar, saintis/penyelidik, bidang eko-pelancongan–pemandu selam SCUBA, akuaris, biologis residen di pulau peranginan dan akuarium awam.

## 10. AKUAKULTUR

Program ini bertujuan melahirkan graduan terlatih dalam bidang akuakultur bagi membantu membangunkan sektor industri dan penyelidikan akuakultur negara serta berkebolehan menjadi pengusaha dan penyelidik akuakultur yang berjaya dan berilmu. Pelajar akan didedahkan dengan pengurusan hatceri, sangkar serta mengurus ladang sendiri menerusi konsep perladangan kongsi. Pelajar turut akan didedahkan dengan pelbagai disiplin asas biologi, kimia dan bioteknologi. Latihan industri di ladang-ladang akuakultur tempatan dan antarabangsa serta pusat pengajian tinggi yang berkaitan dengan akuakultur akan memberi pendedahan kepada pelajar tentang peringkat-peringkat kritikal dalam proses penternakan bidang akuakultur.

### **Prospek Kerjaya**

Usahawan akuakultur, pengurus ladang akuakultur, pengurus hatceri, pengurus kilang pemprosesan seperti makanan laut/makanan ternakan akuakultur, pegawai perikanan, pegawai penyelidik, pegawai sains, pensyarah, pegawai kualiti (makanan laut), pakar runding akuakultur, pegawai pentadbir/penguatkuasa, saintis.

## ❖ PERHUTANAN

### 11. PERHUTANAN TROPIKA ANTARABANGSA

Matlamat program adalah untuk menghasilkan graduan yang kompeten dan mantap dalam pengurusan hutan secara mapan berdasarkan kepada pengetahuan kukuh dalam sains perhutanan dan teknologi lapangan perhutanan, terlatih dengan baik dalam sensitif terhadap polisi hutan dan isu-isu semasa, mempunyai nilai kemanusiaan yang tinggi, profesional dan bertanggungjawab dalam bidang kerjaya mereka pada masa depan.

#### **Prospek Kerjaya**

Pegawai perhutanan, pengawalan perhutanan, pegawai pemeliharaan hutan, penilai/ jururunding impak alam sekitar (EIA), pengurus tadahan air/ hidrologi, penganalisa dasar/polisi hutan, pengurus lading, penyelidik dan perunding perhutanan.

### 12. TAMAN ALAM SEMULAJADI DAN REKREASI

Matlamat program adalah untuk mendidik dalam memelihara dan mengurus alam semulajadi dengan kefahaman tentang fungsi serta nilai ekosistem hutan dan berkeupayaan dalam menangani sains beserta seni perancangan dan pengurusan taman alam semulajadi, aktiviti-aktiviti rekreasi dan pelancongan berasaskan alam semula jadi secara mapan.

#### **Prospek Kerjaya**

Pengurus Taman, Pemulihara Hutan, Pengusaha/ Perunding Landskap, Perunding/ Pegawai Tapak Semaian, Pegawai Rekreasi/ Pelancongan, Pegawai Perhutanan dan Perunding Impak Alam Sekitar, Pegawai/ Penyelidik pengurusan hidupan liar.

### 13. PERLADANGAN HUTAN & PERHUTANI

Matlamat program adalah untuk menghasilkan graduan yang kukuh dalam pengetahuan teori dan lengkap dengan latihan praktikal dalam bidang perladangan hutan dan perhutani, penghasilan bahan tanaman dan pokok, dan pengendalian peralatan saintifik dan peralatan ladang, graduan yang berkebolehan dan berpengetahuan dalam pengurusan dan pelaksanaan projek penyelidikan atau projek perladangan. Hasrat program juga menghasilkan graduan yang mempunyai kemahiran insaniah (komunikasi, profesionalisme, beretika dan keusahawanan), mempunyai minat dan kesedaran mengenai isu-isu semasa, piawaian dan amalan dalam bidang yang diceburi.

#### **Prospek Kerjaya**

Pengurus ladang/ tapak semaian/operasi/ pegawai penyelidik, pegawai perhutanan dan Pengusaha ladang

## 14. TEKNOLOGI DAN INDUSTRI KAYU

Matlamat program adalah untuk menyediakan ilmu asas yang kukuh dan menyediakan sumber tenaga mahir yang profesional dalam bidang industri berasaskan kayu. Dengan ini, program ini berhasrat untuk menghasilkan graduan yang berilmu pengetahuan teori dan teknikal dalam bidang teknologi dan industri perkayuan, berketrampilan dan mempunyai kemahiran insaniah serta sahsiah yang baik bagi memenuhi pasaran kerja dan keperluan tenaga mahir dalam industri berasaskan kayu.

### **Prospek Kerjaya**

Penguru kilang/ operasi/ pengeluaran/ pemasaran/ kawalan mutu produk hutan, juruaudit pensijilan kayu, jurutera kayu, pengusaha industri berasaskan kayu, pegawai perhutanan/ penyelidik dan pereka perabut.

## 4. STATISTIK SUMBER MANUSIA

### 4.1 KAKITANGAN AKADEMIK

JAWATAN	GREED	JUMLAH	CATATAN
Profesor	A [VU5]	1	
Profesor	C [VK7]	9	3 Kontrak
Profesor Madya	DS54	23	
Profesor Madya	DS53	1	Kontrak
Pensyarah Kanan	DS52	24	4 Cuti Belajar
Pensyarah Kanan	DS51	16	5 Kontrak
Pensyarah	DS45	46	2 Kontrak, 20 Cuti Belajar
Tutor	DA41	2	2 Cuti Belajar (Norizkiah Dzulkarnain & Fauze Mahmud)
Felo Siswazah	DA41	3	Rezal Rahmat, Tamar Kansil & Mohd Al-Farid Abraham
<b>JUMLAH</b>		<b>125</b>	<b>16 Kontrak &amp; 27 Cuti Belajar</b>

### 4.2 KAKITANGAN PENGURUSAN & PROFESIONAL

JAWATAN	GREED	JUMLAH	CATATAN
Timbalan Pendaftar	N48	1	
Penolong Pendaftar Kanan	N44	1	
Pegawai Sains Kanan	C44	3	
Pegawai Sains	C41	1	
<b>JUMLAH</b>		<b>6</b>	

### 4.3 KAKITANGAN PELAKSANA I & II

JAWATAN	GREED	JUMLAH	CATATAN
Penolong Pegawai Sains Kanan	C32	1	
Penolong Pegawai Tadbir	N29	1	Kontrak
Penolong Pegawai Sains	C29	10	3 Kontrak
Setiausaha Pejabat	N29	1	
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	FA29	1	Kontrak
Ketua Pembantu Tadbir (P/O)	N26	1	
Pembantu Makmal Kanan	C26	1	
Pembantu Tadbir (P/O) Kanan	N22	1	
Pembantu Makmal Kanan	C22	8	
Pembantu Tadbir (P/O)	N19	15	7 Kontrak
Pembantu Makmal	C19	22	2 Kontrak
Juruteknik Komputer	FT19	1	Kontrak
Pembantu Operasi Kanan	N14	1	
Pembantu Operasi	N11	2	
Pekerja Rendah Awam (Nurseri)	R1	1	Kontrak
<b>Jumlah</b>		<b>67</b>	<b>16 Kontrak</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>198</b>	<b>32 KONTRAK &amp; 29 CUTI BELAJAR</b>

## 5. SENARAI PENTADBIR FAKULTI

			
<b>DEKAN</b> <b>Prof. Dr. Baba Musta</b> SmSn. SSn. (UKM), Ph.D (UTM)	5880	016-8494893	<a href="mailto:babamus@ums.edu.my">babamus@ums.edu.my</a>
<b>TIMBALAN DEKAN (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b> <b>Prof. Madya Dr. Abdullah Bade</b> BSc., MSc (UTM), Ph.D (UKM)	5722	013-7204450	<a href="mailto:abb@ums.edu.my">abb@ums.edu.my</a>
<b>TIMBALAN DEKAN (PENYELIDIKAN &amp; INOVASI)</b> <b>Dr. Mohd. Sani Bin Sarjadi</b> SmSn. (UKM), MSc. (UPM),	5878	014-2822647	<a href="mailto:msani@ums.edu.my">msani@ums.edu.my</a>
<b>TIMBALAN DEKAN (HAL EHWAL PELAJAR &amp; ALUMNI)</b> <b>Dr. Jahimin Asik @ Abd. Rashid</b> SmSn. (UKM), MSc. (USM), Ph.D. (UMS)	5641	019-8959145	<a href="mailto:jthan@ums.edu.my">jthan@ums.edu.my</a>
<b>PENYELARAS PUSAT KOMPLEKS PERHUTANAN</b> <b>Prof. Madya Dr. Liew Kang Chiang</b> BSc. (UPM), MSc. (UPM), Ph.D (UPM)	8597	012-8890122	<a href="mailto:liewkc@ums.edu.my">liewkc@ums.edu.my</a>
<b>TIMBALAN PENDAFTAR</b> <b>En. Hasmi Hashim</b> B. HSc. (UIAM), MASc (UITM)	5877	013-8568987	<a href="mailto:hasmihjd@ums.edu.my">hasmihjd@ums.edu.my</a>
<b>TIMBALAN PENDAFTAR (Mulai Mac 2018)</b> <b>En. Masri Judah</b>	5877	019-8315697	<a href="mailto:masri@ums.edu.my">masri@ums.edu.my</a>
<b>PENOLONG PENDAFTAR KANAN</b> <b>En. Syed Mohd Mahyuddin Syed Satri</b> B. HSc. (UIAM)	5714	013-5526825	<a href="mailto:syed5029@gmail.com">syed5029@gmail.com</a>
<b>PEGAWAI SAINS KANAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pn. Francisca Mosilinus</b> BSc. (Hons) (UMS)</li> <li>• <b>En. Syuhaime @ Suhaimi Ahmat Ali</b> Dip. Agric. (UPM), BSc. (Hons), MSc (UMS)</li> </ul>	5715 8586	019-5369959 019-8129941	<a href="mailto:franny@ums.edu.my">franny@ums.edu.my</a> <a href="mailto:syuhaime@ums.edu.my">syuhaime@ums.edu.my</a>
<b>PEGAWAI SAINS</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>En. Afizan Abdullah</b> BSc. (Hons) (UMS)</li> </ul>	5856	013-5449518	<a href="mailto:afizan@ums.edu.my">afizan@ums.edu.my</a>
<b>PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>En. Mohd. Redzuan Abdullah</b></li> </ul>	5355	012-8269544	<a href="mailto:redzuan@ums.edu.my">redzuan@ums.edu.my</a>
<b>PENOLONG PEGAWAI TADBIR</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>En. Kenny Uwai</b></li> </ul>	8880	012-4304408	<a href="mailto:kenny@ums.edu.my">kenny@ums.edu.my</a>
<b>PENOLONG PEGAWAI SAINS KANAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>En. Jalaluddin Majalip</b></li> </ul>	5506	013-8873794	<a href="mailto:jalaludin@ums.edu.my">jalaludin@ums.edu.my</a>

<b>PENOLONG PEGAWAI SAINS</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• En. Abd. Rahim Ahmad</li> <li>• En. David Kungin</li> <li>• En. Sani Gorudin</li> <li>• Pn. Jainuh Anda</li> <li>• En. Sahrizal Milin</li> <li>• En. Mohd. Gan Abd. Rashid</li> <li>• En. Mohd Recyheidy Abd Rashid</li> <li>• En. Taipin Gadoit</li> <li>• Pn. Valenah Lawrence</li> <li>• En. Musa Mohd Derin</li> </ul>	5171 8761 5502 1075 5564 5953 5171 5344 8670 4169	016-8454458 016-8336927 010-9418727 019-8316214 011-15126698 016-8445411 016-8155007 016-8481167 019-8412989 019-5899109	<a href="mailto:rahimsst@ums.edu.my">rahimsst@ums.edu.my</a> <a href="mailto:k_david@ums.edu.my">k_david@ums.edu.my</a> <a href="mailto:saifa_193@yahoo.com">saifa_193@yahoo.com</a> <a href="mailto:jainuh@ums.edu.my">jainuh@ums.edu.my</a> <a href="mailto:sahrizalmilin@gmail.com">sahrizalmilin@gmail.com</a> <a href="mailto:mohd.gan@ums.edu.my">mohd.gan@ums.edu.my</a> <a href="mailto:rasidi@ums.edu.my">rasidi@ums.edu.my</a> <a href="mailto:taipin@ums.edu.my">taipin@ums.edu.my</a> <a href="mailto:valenah@ums.edu.my">valenah@ums.edu.my</a> <a href="mailto:musa87@ums.edu.my">musa87@ums.edu.my</a>
<b>PEMBANTU PENTADBIRAN (SETIAUSAHA)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pn. Azimah Jaafar [Setiausaha Dekan]</li> <li>• Pn. Lynneha Vivien Ang @ Gigie Aling [Pembantu Tadbir (P/O) / Setiausaha Timbalan Dekan (Akademik &amp; Antarabangsa)]</li> <li>• Cik Shahrizah Awang Abdullah [Pembantu Tadbir (P/O) / Setiausaha Timbalan Dekan (Penyelidikan &amp; Inovasi)]</li> <li>• Pn. Nur Habibi Derin [Pembantu Tadbir (P/O) / Setiausaha Timbalan Dekan (HEP &amp; Alumni)]</li> </ul>	5872 5557 5710 5998	019-8304379 014-8702147 010-5815152 014-6556047	<a href="mailto:azimahiguchi@ums.edu.my">azimahiguchi@ums.edu.my</a> <a href="mailto:lynne@ums.edu.my">lynne@ums.edu.my</a> <a href="mailto:shahriza@ums.edu.my">shahriza@ums.edu.my</a> <a href="mailto:bibi88@ums.edu.my">bibi88@ums.edu.my</a>
<b>BAHAGIAN PENTADBIRAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pn. Dayangku Masniah Ag. Madaud [Pembantu Tadbir (P/O) / Unit Fail &amp; Rekod]</li> <li>• Pn. Dg. Rosnah Ag. Murshid [Pembantu Tadbir (P/O) / Unit Sumber Manusia]</li> <li>• En. Mohammad Faiz Abd. Alim [Pembantu Tadbir (P/O) / Penyelenggaraan]</li> <li>• En. Md Jaafar Ali [Pembantu Tadbir (P/O) / Unit Stor&amp; Pusat Sumber]</li> <li>• En. Razuan Mathew [Juruteknik Komputer / Unit Teknikal]</li> <li>• En. Mukti Abd. Murad [Pembantu Operasi Kanan]</li> <li>• En. Rezali Salleh [Pembantu Operasi]</li> <li>• En. Noor Arzmy Ibrahim [Pembantu Operasi ]</li> </ul>	5873 5717 5876 5371 5719 8583 3571 5631	017-8101642 014-9557345 012-8875750 019-8316214 010-9371363 011-36892069 016-7899497 010-2664904	<a href="mailto:dayang@ums.edu.my">dayang@ums.edu.my</a> <a href="mailto:dg_achie@ums.edu.my">dg_achie@ums.edu.my</a> <a href="mailto:mohammad_faizz@yahoo.com">mohammad_faizz@yahoo.com</a> <a href="mailto:jaafar@ums.edu.my">jaafar@ums.edu.my</a> <a href="mailto:razuan@ums.edu.my">razuan@ums.edu.my</a> <a href="mailto:mukti@ums.edu.my">mukti@ums.edu.my</a> <a href="mailto:rezali@ums.edu.my">rezali@ums.edu.my</a> <a href="mailto:azmidah@ums.edu.my">azmidah@ums.edu.my</a>

<b>BAHAGIAN KEWANGAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pn. Zainah Hj. Ahmad [Ketua Pembantu Tadbir (P/O)]</li> <li>• En. Ramsah Haidir [Pembantu Tadbir (P/O)]</li> <li>• Pn. Meliawati Abdul Salam [Pembantu Tadbir (P/O)]</li> <li>• En. Salim Saida [Pembantu Tadbir (P/O)]</li> </ul>	<p style="text-align: center;">5712</p> <p style="text-align: center;">5716</p> <p style="text-align: center;">5716</p> <p style="text-align: center;">8583</p>	<p style="text-align: center;">016-8494571</p> <p style="text-align: center;">014-3277929</p> <p style="text-align: center;">019-5815480</p> <p style="text-align: center;">010-9347687</p>	<p style="text-align: center;"><a href="mailto:anna64@ums.edu.my">anna64@ums.edu.my</a></p> <p style="text-align: center;"><a href="mailto:apriiliayan@yahoo.com">apriiliayan@yahoo.com</a></p> <p style="text-align: center;"><a href="mailto:meliawati@ums.edu.my">meliawati@ums.edu.my</a></p> <p style="text-align: center;"><a href="mailto:salimsaida786@gmail.com">salimsaida786@gmail.com</a></p>
<b>BAHAGIAN AKADEMIK</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pn. Noni M. Masjiril [Pembantu Tadbir (P/O)]</li> <li>• Pn. Bibi Nurhartini Benjamin [Pembantu Tadbir (P/O)]</li> <li>• Cik Wennie Seumin [Pembantu Tadbir (P/O)]</li> <li>• Pn. Azizan Azizi Ahmad [Pembantu Tadbir (P/O)]</li> </ul>	<p style="text-align: center;">5656</p> <p style="text-align: center;">5888</p> <p style="text-align: center;">5666</p> <p style="text-align: center;">8772</p>	<p style="text-align: center;">016-8255885</p> <p style="text-align: center;">014-6518373</p> <p style="text-align: center;">016-5578187</p> <p style="text-align: center;">014-6726420</p>	<p style="text-align: center;"><a href="mailto:nonie@ums.edu.my">nonie@ums.edu.my</a></p> <p style="text-align: center;"><a href="mailto:bibi@ums.edu.my">bibi@ums.edu.my</a></p> <p style="text-align: center;"><a href="mailto:wennie.seumin@ums.edu.my">wennie.seumin@ums.edu.my</a></p> <p style="text-align: center;"><a href="mailto:zizi@ums.edu.my">zizi@ums.edu.my</a></p>
<b>BAHAGIAN PASCASISWAZAH</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cik Nurlyiana Ajim [Pembantu Tadbir (P/O)]</li> </ul>	<p style="text-align: center;">5719</p>	<p style="text-align: center;">014-3406226</p>	<p style="text-align: center;"><a href="mailto:lyne86@ums.edu.my">lyne86@ums.edu.my</a></p>

## 6. KETUA – KETUA PROGRAM

BIL.	NAMA PENSYARAH	PROGRAM	SAMB	TELEFON	EMEL
1.	Pn. Ainol Azifa Mohd. Faik	Bioteknologi (HG07)	5590	019-8072350	<a href="mailto:ainolazifa@yahoo.com">ainolazifa@yahoo.com</a>
2.	Pn. Sabrina Soloi	Kimia Industri (HS07)	5785	019-5308613	<a href="mailto:sabrinass@ums.edu.my">sabrinass@ums.edu.my</a>
3.	Dr. Assis Kamu	Matematik dengan Ekonomi (HS08)	5808	019-5800490	<a href="mailto:assis@ums.edu.my">assis@ums.edu.my</a>
4.	Dr. Rozaimi Zakaria	Matematik dengan Grafik Berkomputer (HS09)	5628	016-8037947	<a href="mailto:rozaimi_z@yahoo.com">rozaimi_z@yahoo.com</a>
5.	Dr. Carolyn Melissa Payus	Sains Sekitaran (HS11)	5852	016-8415265	<a href="mailto:melpayus@ums.edu.my">melpayus@ums.edu.my</a>
6.	Dr. Zulherry Isnain	Geologi (HS21)	5578	019-8205353	<a href="mailto:zulherry@ums.edu.my">zulherry@ums.edu.my</a>
7.	Pn. Fouziah Md. Yassin	Fizik dengan Elektronik (HS22)	5577	016-2514381	<a href="mailto:yfouziah@ums.edu.my">yfouziah@ums.edu.my</a>
8.	Dr. Walter Lintangah	Perhutanan Tropika Antarabangsa (HG19)	8766	010-9452181	<a href="mailto:walterjl@ums.edu.my">walterjl@ums.edu.my</a>
9.	Dr. Wilson Wong Vun Chiong	Taman Alam Semula Jadi & Rekreasi (HG20)	8757	016-8409137	<a href="mailto:w.wilson@ums.edu.my">w.wilson@ums.edu.my</a>
10.	Pn. Maznah Muning	Perladangan Hutan & Perhutani (HG23)	8606	012-8766763	<a href="mailto:maznah@ums.edu.my">maznah@ums.edu.my</a>
11.	En. Wilter Malandi @ Azwal Aziz	Teknologi & Industri Kayu (HY11)	8767	018-2422166	<a href="mailto:wilaz@ums.edu.my">wilaz@ums.edu.my</a>



## 7. KAKITANGAN AKADEMIK MENGIKUT PROGRAM

BIOTEKNOLOGI (HG07)					
1.	Prof. Madya Dr. Lee Ping Chin	(DS54) Profesor Madya	5726	016-8816487	<a href="mailto:leipc@ums.edu.my">leipc@ums.edu.my</a>
2.	Prof. Madya Dr. Zaleha Abd. Aziz	(DS54) Profesor Madya	5732	013-8688872	<a href="mailto:zalehaaz@ums.edu.my">zalehaaz@ums.edu.my</a>
3.	Prof. Madya Dr. Jualang Azlan Gansau	(DS54) Profesor Madya	5729	016-8108368	<a href="mailto:azlanajg@ums.edu.my">azlanajg@ums.edu.my</a>
4.	Prof. Madya Dr. Chong Khim Phin	(DS54) Profesor Madya	5571	016-8395515	<a href="mailto:chongkp@ums.edu.my">chongkp@ums.edu.my</a>
5.	Dr. Suraya Abd. Sani	(DS52) Pensyarah Kanan	1422/5019	010-8988808	<a href="mailto:suraya.abdulsani@ums.edu.my">suraya.abdulsani@ums.edu.my</a>
6.	Dr. Rahmath Abdulla	(DS51) Pensyarah Kanan	5592	011-31421452	<a href="mailto:rahmath@ums.edu.my">rahmath@ums.edu.my</a>
7.	Dr. Mohd. Khalizan Sabullah	(DS51) Pensyarah Kanan	5039	012-2679021	<a href="mailto:ejanz_sart2@yahoo.com">ejanz_sart2@yahoo.com</a>
8.	<b>Pn. Ainol Azifa Mohd. Faik</b>	<b>(DS45) Pensyarah / Ketua Program</b>	<b>5590</b>	<b>019-8072350</b>	<a href="mailto:ainolazifa@yahoo.com">ainolazifa@yahoo.com</a>
9.	Pn. Roslina Hj. Jawan	(DS45) Pensyarah	5649	012-8203387	<a href="mailto:roslinaj@ums.edu.my">roslinaj@ums.edu.my</a>
10.	Cik Hartinie Marbawi	(DS45) Pensyarah	5686	013-8412079	<a href="mailto:hartinie@ums.edu.my">hartinie@ums.edu.my</a>
11.	En. Fauze Mahmud	(DA41) Tutor		010-8536163	<a href="mailto:fauzemahmud@yahoo.com">fauzemahmud@yahoo.com</a>
12.	Pn. Tamar Kansil	(DA41) Felo Siswazah			<a href="mailto:Tamarkansil87@gmail.com">Tamarkansil87@gmail.com</a>
<b>12 ORANG KAKITANGAN AKADEMIK</b>					

KIMIA INDUSTRI (HS07)					
1.	Prof. Dr. Marcus Japony	(VK7) Profesor Gred Khas C	2283	013-8718108	<a href="mailto:marcj@ums.edu.my">marcj@ums.edu.my</a>
2.	Prof. Dr. Md. Lutfor Rahman	(VK7) Profesor Gred Khas C		016-9399011	<a href="mailto:lutfor73@gmail.com">lutfor73@gmail.com</a>
3.	Prof. Madya Dr. How Siew Eng	(DS54) Profesor Madya	612500	016-8150878	<a href="mailto:sehow@ums.edu.my">sehow@ums.edu.my</a>
4.	Prof. Madya Dr. Loumi @ Noumie Surugau	(DS54) Profesor Madya	5781	013-8834331	<a href="mailto:lnoumie@ums.edu.my">lnoumie@ums.edu.my</a>
5.	Prof. Madya Dr. Suhaimi Md. Yasir	(DS54) Profesor Madya	5202	016-9033840	<a href="mailto:ysuhaimi@ums.edu.my">ysuhaimi@ums.edu.my</a>
6.	Prof. Madya Dr. Sazmal Effendi Arshad	(DS54) Profesor Madya	4299	017-8180618	<a href="mailto:sazmal@ums.edu.my">sazmal@ums.edu.my</a>
7.	Prof. Madya Dr. Collin Glen Joseph	(DS54) Profesor Madya	2117	017-3966498	<a href="mailto:collin@ums.edu.my">collin@ums.edu.my</a>
8.	Dr. Mohd. Sani Sarjadi	(DS52) Pensyarah Kanan / Timbalan Dekan (P&I)	5785	014-2822647	<a href="mailto:msani@ums.edu.my">msani@ums.edu.my</a>
9.	Dr. Jahimin Asik @ Abd. Rashid	(DS52) Pensyarah Kanan	5875	019-8959145	<a href="mailto:jthan@ums.edu.my">jthan@ums.edu.my</a>
10.	Dr. Moh Pak Yan	(DS52) Pensyarah Kanan	5148	011-12979868	<a href="mailto:pymoh@ums.edu.my">pymoh@ums.edu.my</a>
11.	Cik Rubia Idris	(DS52) Pensyarah Kanan	5647	019-8032419	<a href="mailto:rubia@ums.edu.my">rubia@ums.edu.my</a>
12.	Dr. Newati Wid	(DS51) Pensyarah Kanan	5353	016-8027424	<a href="mailto:newati@ums.edu.my">newati@ums.edu.my</a>
13.	Dr. Mohamad Shaheen Khan	(DS51) Pensyarah Kanan	5387	010-3930518	<a href="mailto:shaheenchem@gmail.com">shaheenchem@gmail.com</a>
